



Adik mangsa, Azwan Mohammad (dua dari kanan) ditenangkan rakannya.



Bapa Azfar, Mohammad Chek Din, (kiri) tidak dapat menahan sebak selepas mengetahui anak lemas di kawasan Taman Eko Rimba Berkelah.



Muhammad Shah Faris Shahrin Azfar Mohammad

# Dua sahabat lemas di air terjun Berkelah

➔ Mangsa bersama 12 rakan bercuti di pusat rekreasi

Oleh Mohamad Azim Fitri Abd Aziz  
news@nstp.com.my

✦ Kuantan

Percutian 12 sahabat di Taman Eko Rimba Berkelah di sini, berakhir tragedi apabila dua daripada mereka lemas ketika mandi di tingkat tujuh air terjun itu, kelmarin.

Mayat Azfar Mohammad, ditemui pada jam 7.56 pagi semalam pada kedalaman 10 meter oleh pasukan penyelamat, manakala jasad Muhammad

Shah Faris Shahrin dan Azfar Mohammad, ditemui sembilan minit kemudian pada kedalaman 12 meter.

Operasi mencari kedua-dua mangsa berusia 22 tahun dari Pandamaran, Selangor itu yang dilancarkan sejak petang kelmarin.

Mayat mangsa dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan di sini untuk bedah siasat.

Sementara itu, rakan mangsa, Muhammad Saiful Ikmal Hamdan, 22, berkata mereka bertolak dari Pandamaran kira-kira jam 7 pagi kelmarin dengan menaiki dua kereta.

Sejurus tiba pada jam 10 pagi di kawasan parkir pusat rekreasi itu, mereka bergerak ke tingkat tujuh air terjun berkenaan dengan meredah hutan dan pendakian kira-kira tiga jam.

Selepas tiba di kawasan itu, mereka bersiap untuk mandi di kawasan berkenaan.

"Kira-kira jam 3 petang saya lihat Shah Faris berenang di

kawasan kolam air terjun itu sebelum dia secara tiba-tiba terkapai-kapai meminta pertolongan. Kami cuba membantunya namun gagal sebelum Azfar terjun dan cuba menyelamatkannya.

**Cuba selamatkan Shah Faris**  
"Bagaimanapun, Azfar juga tidak timbul selepas cuba menyelamatkan Shah Faris yang menyebabkan kami menjadi cemas dan buntu sebelum semua naik ke permukaan," katanya ketika ditemui di lokasi, semalam.

Muhammad Saiful Ikmal berkata, dia kemudian terpaksa keluar dari kawasan perkemahan bagi mendapatkan isyarat telefon bimbit untuk menghubungi pihak berkuasa.

Ketika dalam perjalanan turun ke kawasan parkir kenderaan, dia dapat menghubungi pihak berkuasa dan memaklumkan kejadian berkenaan.

"Ini pertama kali kami ke sini selepas mendapati air terjun ini

adalah popular," katanya.

Seorang lagi rakan mangsa, Mohd Zulfazlin Mohd Aliyas, 21, berkata seorang rakan mereka nyaris lemas ketika cuba menyelamatkan mangsa tetapi sempat ditarik keluar beberapa rakan lain.

"Ketika kejadian semua berada di sekitar kolam air terjun itu...keadaan berlaku dengan pantas yang menyebabkan kami panik dan cuba menyelamatkan mereka tanpa menyedari risiko kepada diri kami," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Mohd Sani Harul, berkata pihaknya menerima panggilan pada jam 3.11 petang kelmarin.

Berikutan itu, operasi mencari dan menyelamat dilancarkan membabitkan pasukan penyelamat di air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang, dengan dibantu polis dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.



(FOTO IHSAN BOMBA PAHANG)

Muhammad Shah Faris dan Azfar lemas ketika berkelah bersama rakan di Taman Eko Rimba Berkelah, Kuantan.

## ➔ TRAGEDI

### NIOSH diarah sedia kertas kerja Kabinet bincang tragedi

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengarahkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menyediakan kertas kerja Kabinet bagi menangani tragedi lemas di seluruh negara yang meragut banyak nyawa kebelakangan ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kertas kerja itu akan dibentangkan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem kepada Jemaah Menteri untuk dibincangkan.

"Langkah ini juga penyelesaian jangka panjang, bukan saja di Pantai Timur, tetapi di seluruh negara dan dalam apa jua situasi, termasuk kes lemas membabitkan pemancing," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan prapelancongan Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) Ke-16 dan Pameran Keselamatan Antarabangsa Asia (NATSEC) di sini, semalam.

Kelmarin, anggota Majlis Keselamatan Aktiviti Air Kebangsaan, Tan Sri Lee Lam Thye, menuntut sebuah jabatan bertaraf penuh perlu dibentuk bagi merancang, menguatkuasa, menyusun strategi dan melaksanakan langkah pencegahan kejadian lemas di air.

#### Jumlah kematian di air

**Di Sungai Buloh.** Pengerah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Azmi Osman, berkata jumlah kehilangan nyawa membabitkan kematian di air mencatat perkembangan membimbangkan.

Katanya, sejak Januari lalu hingga semalam, 12 kematian dilaporkan di Selangor.

"Sebanyak 10 kes membabitkan mangsa menjalankan aktiviti di sungai, manakala dua kes di tali air. Tahun lalu, sebanyak 24 kes direkodkan," katanya.

Azmi berkata, masyarakat perlu lebih peka dan serius dengan isu keselamatan ketika berada di air.

"Jangan lakukan aktiviti air di sungai atau tali air; terutama dalam keadaan cuaca tidak menentu," katanya.



12 KES

kematian di air di Selangor sejak Januari lalu hingga semalam

24 KES

lemas direkod tahun lalu